



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MOSTI MEMPERCEPATKAN AGENDA INOVASI

Kerjasama MRANTI-Institusi Pengajian Awam bakal memacu 50 harta intelek terbaik ke pengkomersialan

KUALA LUMPUR, 25 OGOS 2022 – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) hari ini mengumumkan penutupan ‘Supercharger Series’ iaitu satu siri kerjasama antara akademik dan industri yang diketuai oleh agensinya, Malaysian Research Accelerator for Technology and Innovation (MRANTI), dalam mempercepatkan kadar Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi (R&D&C&I) negara.

Ini berikutan pengumuman baru-baru ini di mana Kerajaan telah meluluskan 99 projek dan program R&D&C&I bernilai RM5.6 bilion untuk menyokong pembangunan sektor inovasi di Malaysia pada tahun 2021 dan 2022 di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12).

Berucap pada majlis penutupan tersebut, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba mengumumkan jalinan kerjasama MRANTI dengan lima (5) institusi pengajian tinggi bagi ‘Supercharger Series’ untuk membawa **50 harta intelek terbaik syarikat spin-off** ke laluan pengkomersialan. Lima universiti berkenaan adalah Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia.

“MOSTI berharap pihak inovator dan penyelidik dapat merealisasikan impak hasil kajian dan penyelidikan terbaik mereka kepada Keluarga Malaysia,” katanya.

Turut diadakan pada majlis tersebut adalah pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) antara MRANTI dan Asiatech Education Sdn. Bhd. Menerusi MoU tersebut, kedua-dua pihak akan memberi fokus kepada kepakaran institusi untuk penubuhan ekosistem keusahawanan dengan menyediakan khidmat nasihat dalam bidang keusahawanan, pengkomersialan dan penyelidikan berkaitan inovasi serta pembangunan program, latihan dan aktiviti perundingan.

Untuk meningkatkan kedudukan sebagai negara berekonomi tinggi, dipacu inovasi, Malaysia perlu memastikan keselamatan bekalan penyelidikan dan pembangunan (R&D) diterjemahkan kepada pengkomersialan yang berjaya.

Kerajaan telah menetapkan sasaran untuk meningkatkan Perbelanjaan Kasar Penyelidikan dan Pembangunan (GERD) kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) daripada 1.04 peratus kepada 2.5 peratus di bawah Rancangan Malaysia Ke-12. Sekurang-kurangnya 50 peratus daripada jumlah perbelanjaan R&D ini akan diarahkan untuk penyelidikan pembangunan eksperimen yang merupakan antara keperluan utama dalam memacu lebih banyak produk dan penyelesaian berasaskan industri bernilai tambah tinggi sejajar dengan keutamaan negara.

“Pada tahun ini, inisiatif-inisiatif di bawah MRANTI dijangka memberi impak kepada 5,000 bakal usahawan, mencipta 50 *proof-of-concept*, prototaip atau produk, memanfaatkan 1,250 pemilik perniagaan dan mencipta nilai ekonomi sebanyak RM500 juta,” kata YB Dato’ Sri Dr. Adham bin Baba.

Tambahnya lagi, “MRANTI juga menjalin bekerjasama dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) melalui inisiatif Technology Innovation Support Centre (TISC). Ia merupakan program bertaraf global oleh World Intellectual Property Organization (WIPO) di mana MyIPO bertindak sebagai penyelaras tempatan TISC di Malaysia sejak 2016. Sukacita saya umumkan di sini, MRANTI telah dilantik sebagai salah satu agensi TISC di Malaysia.”

Dari segi infrastruktur, pada masa ini MRANTI Park ada menyediakan kemudahan dan infrastruktur bersepadu untuk inovator dan usahawan yang *4IR-ready*; menawarkan program dan intervensi yang disasarkan; serta menghubungkan ekosistem memandangkan ianya menggunakan portfolio besar industri dan rakan kongsi korporat.

Program ‘Supercharger Series’ akan diteruskan dengan satu siri jelajah di universiti terpilih dan akan berlangsung sehingga Jun 2023. Sesi ini seterusnya akan diadakan di Universiti Teknologi Petronas dan Universiti Sains Malaysia disusuli dengan universiti penyelidikan yang lain.

Untuk pendaftaran ‘Supercharger Series dan maklumat lanjut, sila layari www.mranti.my.

#TAMAT#

Disediakan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

25 OGOS 2022

Mengenai MRANTI

MRANTI merupakan agensi pengkomersilan penyelidikan sehenti dengan sumber untuk mempercepatkan pengkomersilan idea-idea inovatif yang akan memacu impak. Bertindak sebagai penyambung, kolaborator dan pemangkin, MRANTI akan menghubungkan pernyataan masalah (permintaan) dengan penyelesaian (penawaran), merapatkan kerjasama antara sektor awam dan swasta (peralihan); meningkatkan penyertaan sektor swasta, sama ada melalui akses pasaran, pelaburan, khidmat nasihat atau perundingan dan kemudahan untuk ujian dan prototaip.

Pertanyaan Media: Komunikasi Strategik MRANTI

Fazlyn Kamal, fazlyn@mymagic.my (+6012-3033 646)

Syafieqa Satria, syafieqa@mymagic.my (+6017-395 1088)

Intan Suraini, intans@mranti.my (+6019-2699 611)